

# Cuepacs mesti aktif perangi harga

Rakyat hemat belanja, boikot kedai mampu imbangi kesan kenaikan gaji

B.H 11/6/07 MS 10



**Meniti  
Arus**

Bersama

**Abdul Rahman Sulaiman**

E-mel: rahmansulaiman@yahoo.com

**S**UDAH hampir dua minggu kerajaan mengumumkan kenaikan gaji kepada lebih sejuta penjawat awam di negara ini. Di sebalik kegembiraan itu, di sana-sini masih kedengaran aduan mengenai kenaikan harga barang tertentu, berpunca daripada sikap tamak peniaga yang dikatakan sengaja mahu mengaut keuntungan berlebihan berdasarkan kepada andaian bahawa orang ramai mempunyai lebih banyak wang untuk dibelanjakan.

Ironisnya kenaikan gaji antara 7.5 sehingga 35 peratus diumumkan itu hanya mula berkuat kuasa awal bulan depan dan jika tindakan melaksanakan struktur gaji baru itu dibuat serta-merta, penjawat awam akan hanya mula menikmati gaji baru pada penghujung Julai - hampir dua bulan daripada sekarang.

Dengan kata lain, wang dianggap berlebihan itu masih belum ada di tangan pengguna, khususnya penjawat awam. Tindakan peniaga kelihatan tidak sabar mengambil kesempatan menimbulkan satu soalan lain. Apa akan jadi selepas akhir bulan depan, selepas pegawai dan kaki-tangan awam memperoleh pendapatan lebih daripada sekarang?

Sukar diramalkan apa tindakan diambil peniaga ketika itu. Apakah mereka mengenakan satu lagi pusingan kenaikan harga? Apakah pengguna di negara ini terus menggalakkan perbuatan tidak bertanggungjawab itu dengan berbelanja sesuka hati dan secara tidak berhemat, sambil marah kepada kerajaan kononnya tidak berbuat sesuatu untuk mengawal keadaan?

Tiada siapa boleh menolak kemungkinan keadaan akan menjadi lebih buruk seki-

**INTI PATI**

## Langkah tangani harga naik

- Pendekatan bersepadu dan menyeluruh perlu dimulakan sekarang oleh semua pihak dalam mengekang kenaikan harga barang.
- Orang ramai tidak harus terus menyandarkan harapan kepada kerajaan, tanpa memainkan peranan sebagai pengguna.
- Pengguna perlu segera melaporkan kegiatan tidak bertanggungjawab peniaga.
- PBT yang mengeluarkan lesen perniagaan boleh menarik balik lesen perniagaan bagi premis yang diambil tindakan.
- Satu cara paling berkesan ialah memboikot kedai terbabit untuk memberi pengajaran kepada peniaga tidak bertanggungjawab.

ranya pendekatan bersepadu dan menyeluruh tidak diambil mulai sekarang oleh semua pihak termasuk kerajaan, pertubuhan pengguna, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pengguna sendiri.

Penulis menerima banyak aduan daripada teman dan pembaca tidak dikenali yang mahukan agar sesuatu diambil untuk menyekat kenaikan harga barang keperluan.

Ada antara mereka marah dan meletakkan kesalahan kepada kerajaan, tetapi apabila diminta maklumat lengkap dan spesifik apa yang naik dan di mana, ada yang merapu-rapu dan memberikan senarai tidak putus-putus.

Penulis terfikir andainya aduan terbabit spesifik, bolehlah perkara itu dipanjangkan kepada Kementerian Perdagangan Da-

lam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) untuk tindakan selanjutnya.

Penulis yakin sekiranya aduan disampaikan kepada pengetahuan KPDNHEP, Kementerian itu bertindak pantas dan tegas seperti dilaporkan di beberapa tempat baru-baru ini.

Antaranya ialah tindakan tegas dengan mengenakan kompaun maksimum kepada sebuah restoran nasi kandar di Kuala Terengganu, awal minggu ini kerana menjual Milo Ais dengan harga RM1.80 segelas, lebih tinggi daripada harga dipamerkan.

Sejak 'Ops Gaji' dilancarkan pada 21 Mei lalu, Kementerian itu juga mengambil tindakan terhadap 62 premis perniagaan di seluruh negara kerana pelbagai kesalahan.

Bagaimanapun, tidak adil bagi orang ramai terus menyandarkan harapan kepada kerajaan, khususnya KPDNHEP tanpa mereka sendiri memainkan peranan sepatutnya sebagai pengguna.

Walaupun Kementerian itu, kini bekerja keras dan menjalankan pemantauan serta penguatkuasaan secara agresif, mereka tidak mungkin mengetahui segala-galanya yang berlaku di seluruh negara, terutamanya di kawasan pedalaman dan pekan kecil.

Di sini pentingnya peranan pengguna melaporkan kegiatan tidak bertanggungjawab peniaga. Di samping itu, pihak berkuasa tempatan (PBT) bertanggungjawab mengeluarkan lesen perniagaan juga boleh bekerjasama dengan menarik balik lesen perniagaan bagi premis yang diambil tindakan.

Tindakan deraan ini boleh menimbulkan rasa takut dan malu kepada peniaga lain serta meredakan keadaan dalam tempoh jangka panjang. Satu cara paling berkesan menyekat kenaikan harga barang dan tidak munasabah ini ialah dengan memboikot kedai terbabit untuk memberi pengajaran kepada peniaga tidak bertanggungjawab.

Saranan ini sebenarnya sering kali diajukan termasuk dalam ruangan ini. Cadangan sama juga dibuat Timbalan Per-

dana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, baru-baru ini. Katanya, kuasa dan kebijaksanaan pengguna jika digunakan sebaiknya boleh membantu menangani masalah itu.

"Jika pengguna memboikot kedai mengenakan harga berlebihan dan tidak berpatutan, maka ini satu pengajaran paling berkesan," katanya.

Malangnya, langkah ini tidak pernah dilaksanakan akibat tahap kesedaran kepenggunaan rendah di negara ini, di samping tiadanya organisasi mantap dan berwibawa yang boleh menggembleng tenaga dan menggerakkan usaha ke arah itu.

Sesuatu yang malang bagi pengguna di negara ini kerana tidak mempunyai pertubuhan pengguna yang kuat, agresif, berkesan serta ditakuti peniaga seperti yang pernah wujud pada 60-an dan awal 70-an dulu.

Mungkin usaha memelopori pemuluan ini boleh diambil alih Cuepacs dan kesatuan sekerja atau NGO demi kesejahteraan dan kebajikan ahli dan pengguna.

Usaha Cuepacs dalam memperjuangkan kebajikan penjawat awam termasuk mendapatkan kenaikan gaji baru-baru ini patut disanjung tinggi. Tetapi usaha murni hasil penat lelah perjuangan itu dengan sokongan tidak berbelah bagi daripada anggota mereka belum selesai sepenuhnya jika pendapatan tambahan diperoleh itu jatuh ke tangan peniaga tidak bertanggungjawab secara tidak bermoral dan beretika.

Kewajipan Cuepacs seterusnya ialah memastikan pekerja dan anggota mereka mendapat nilai sepenuhnya bagi setiap ringgit tambahan yang mereka belanjakan. Caranya ialah dengan memelopori boikot disarankan. Hanya selepas itu barulah perjuangan mereka boleh dianggap selesai.

**Penulis ialah bekas Ketua Pengarang Bernama dan pernah menjadi Ahli Parlimen, kini Penasihat Direktorat Pelaksanaan Negara**